



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN eNegarawan  
#klikdijari**

**6 JULAI 2023 (KHAMIS)  
8.30 MALAM**

**AUDITORIUM,  
ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI KEDAH**

Terima kasih kepada Saudara/Saudari Pengacara Majlis,  
Salam Malaysia MADANI dan  
Salam Perpaduan.

## **SALUTASI**

YB Dr. Robert Ling Kui Ee,  
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Alam Sekitar, Perpaduan,  
Masyarakat Cina dan Siam;

YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim,  
Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara;

YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj Abdul Rahman,  
Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia;

YBhg. Dato'-Dato', SUB-SUB Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan  
Agensi Kementerian Perpaduan Negara, Ketua-Ketua Jabatan dan  
Agensi Kerajaan Negeri Kedah, Ketua-ketua Institusi Pendidikan dan  
Pengajian Tinggi, Pegawai-pegawai Pendidikan Negeri Kedah, wakil  
media massa, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya mengucapkan rasa syukur dan ribuan terima kasih serta ucapan  
selamat bertemu dalam Majlis Pelancaran eNegarawan #klikdijari.

## **PENDAHULUAN**

1. Eksplorasi Negarawan atau singkatannya eNegarawan ialah medan membina jati diri dan semangat patriotisme yang menggunakan teknologi terkini dan sangat sesuai untuk generasi baru. Dengan kaedah lawatan secara maya ‘klik di jari’ ini, akan membawa pengunjung ke Memorial bekas Perdana Menteri dan tokoh negarawan yang banyak berjasa kepada kemerdekaan negara dan yang telah berusaha mengisi pembangunan negara bangsa. Melalui teknologi hebat ini, dimana-mana sahaja kita berada, membolehkan kita merasai lawatan sebenar tanpa perlu ke lokasi.
2. Walaupun begitu, bukan bermaksud kita tidak menggalakkan orang ramai datang melawat secara fizikal, sebaliknya memberikan peluang dan kesempatan kepada semua lapisan masyarakat seperti masyarakat luar bandar yang sukar untuk berkunjung, masyarakat kota yang sering kesibukan, para pelajar, penyelidik dan sesiapa sahaja untuk menikmati lawatan secara interaktif dan berinformasi.
3. Ia bertepatan dengan strategi boleh daya Malaysia MADANI iaitu memastikan impak Malaysia MADANI dapat dirasai oleh rakyat secara langsung melalui '**mendigitalkan perkhidmatan rakyat**' yang turut menggalakkan penggunaan teknologi dan internet secara positif dan progresif.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Pelaksanaan program ini adalah selari dengan Dasar Perpaduan Negara melalui Teras Perpaduan 1 iaitu Patriotisme dan Demokrasi yang digariskan oleh Kementerian melalui pelaksanaan bersasar yang digerakkan bagi meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dan kefahaman rakyat berkaitan sejarah Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Di samping itu, program ini dapat memperkuuhkan integrasi nasional sebagai medium ikatan perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.
5. Selaras dengan tumpuan kerajaan masa ini dengan memberikan fokus kepada industri digital negara (MyDigital), usaha Arkib Negara Malaysia membangunkan produk seperti ini diharap dapat memenuhi aspirasi negara untuk memacu penggunaan teknologi maklumat dalam menyebarluaskan sejarah negara dan menonjolkan pencapaian hebat Malaysia. Pada masa yang sama dapat menyemarakkan rasa cinta, semangat jati diri dan mengukuhkan asas perpaduan serta sifat toleransi melalui persefahaman terhadap kepelbagaian budaya masyarakat di negara kita.
6. Majlis Pelancaran eNegarawan pada malam ini menunjukkan betapa pentingnya kita memelihara rekod dan bahan bersejarah negara. Pendigitalan bahan-bahan tersebut akan menjadikan perkongsian maklumat dapat dilakukan dengan pantas dan meluas ke serata dunia. Melalui data view yang diterima, terdapat pengguna dari negara seperti Indonesia, Singapura, China, United Kingdom, Ireland dan United States telah mengakses laman web tersebut namun masih dalam jumlah yang kecil. Justeru, bagi

memperluas capaian, saya memerlukan sokongan daripada semua pihak untuk menyebarluaskan teknologi ini agar dapat dikongsi dan dihayati oleh semua pengguna.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyokong usaha yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi seperti mana yang telah dilaksanakan oleh Arkib Negara Malaysia bagi memastikan matlamat dalam membentuk perpaduan dan meningkatkan rasa cinta terhadap negara terus konsisten. Ianya merangkumi bangsa Malaysia yang patriotik, demokratik dan berkeperibadian tinggi seterusnya membangunkan identiti nasional yang mempunyai cita-cita sepunya dan mengukuhkan ekosistem perpaduan negara.
8. Usaha seperti ini wajar dilakukan secara kolektif oleh pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, institusi pendidikan dan ketua-ketua masyarakat bagi memastikan kehidupan kita terus harmoni dan dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan sosial yang lebih mampan. Kita perlu berkolaborasi ibarat kata pepatah, ‘bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat’ dan ‘Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing’.
9. Seiring dengan tonggak Malaysia MADANI yang menjadi iltizam Kerajaan, kita perlu memupuk sikap dan budaya yang sentiasa mengekalkan persefahaman dan bersatu hati. Inilah tunjang negara yang selama ini menjadikan negara kita kuat dan teguh melalui perpaduan dalam kepelbagaian yang perlu disematkan dan terus dipelihara dalam soal pemikiran dan tindakan kita. Sifat toleransi

dan saling memahami juga telah menjadi asas pembentukan negara kita sejak sekian lama.

10. Justeru, kita harus berbangga kerana mempunyai kelebihan dari sudut berbilang kaum dan bangsa yang telah terbukti berjaya menjadikan negara kita kekal aman, sejahtera dan maju.

## **PENUTUP**

Sidang hadirin sekalian,

11. Sebelum saya akhiri ucapan ini, sekalung tahniah dan penghargaan kepada Arkib Negara Malaysia kerana berjaya melaksanakan program ini. Semoga apa yang kita laksanakan ini, akan memberikan manfaat kepada masyarakat, khususnya generasi kita supaya lebih mengenali sejarah dan budaya bangsa.
12. Saya mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua pihak khususnya yang melibatkan pendidikan anak bangsa kita, untuk menggalakkan mereka menggunakan eNegarawan ini sebagai salah satu kaedah pembelajaran. Banyak faedah dan manfaat yang dapat diperolehi oleh mereka. Rakan-rakan media juga diharapkan dapat membantu mempromosikannya agar dapat dimanfaatkan bersama.
13. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran eNegarawan #klikdijari 2023.

Sekian, terima kasih.